



KETUA PENDAFTAR  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA  
REGISTRAR GENERAL  
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Department of Higher Education  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88706381  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>  
(Official Portal)

Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 (33)

Tarikh : 6 Ogos 2014

## Semua Ketua Eksekutif IPTS

YBhg Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

### **PENJELASAN MENGENAI SURAT PEKELILING SIJIL NO OBJECTION CERTIFICATE (NOC) KE ATAS PELAJAR-PELAJAR DARI NEGARA SUB SAHARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Sektor Pengurusan IPTS, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Bil. 5 Tahun 2010: Sijil *No Objection Certificate* (NOC) Ke atas Pelajar-Pelajar Dari Negara Sub Sahara yang berkuatkuasa pada Januari 2011 telah ditambahbaik dan menjadi rujukan terkini selaras dengan pelaksanaannya.

3. Penambahbaikan ini bertujuan memastikan hanya pelajar antarabangsa yang tulen sahaja didaftarkan bagi mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di semua peringkat termasuklah peringkat **Sijil**. Penambahbaikan turut mengambilkira kelulusan Kementerian Dalam Negeri dan kerjasama agensi di bawahnya. Tindakan penambahbaikan ini akan menyelaraskan syarat-syarat dan peraturan bagi kedua-dua Kementerian agar proses kemasukan dan pendaftaran pelajar antarabangsa telus dan lancar.

4. Sehubungan dengan itu, ayat **para 1** pekeliling Bil 5 Tahun 2010, telah ditambahbaik iaitu; *syarat wajib sijil No Objection Certificate (NOC) yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dari negara Sub-Sahara yang ingin melanjutkan pengajian diperingkat Sijil, Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD di Malaysia*". Sama ada ditaja oleh kerajaan atau sebaliknya, pelajar-pelajar yang menggunakan kelayakan akademik

negara berkenaan hendaklah mengemukakan Sijil *No Objection Certificate* (NOC) selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Pihak IPTS adalah dinasihatkan untuk menggunakan penambaikan ini untuk pelaksanaan pekeliling tersebut. Bagi bahagian dalam pekeliling selain dari yang telah dinyatakan adalah tidak mempunyai sebarang penambaikan dan boleh diguna pakai seperti sedia ada.

6. Perhatian dan tindakan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL**  
Ketua Pendaftar  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Menteri Pendidikan Malaysia

Menteri Pendidikan Malaysia II

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)  
YB. Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Ketua Setiausaha  
Kementerian Luar Negeri

Ketua Pengarah  
Jabatan Imigresen Malaysia

Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Bahagian  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia